

BERITA HARIAN

DATE:13/2/2010

Kadar jenayah jalanan menurun 13 peratus

Pencapaian GTP pada tahap pelaksanaan sepenuhnya

Oleh Nazura Ngah
nawra@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kadar jenayah jalanan mencatatkan penurunan sebanyak 13 peratus pada bulan lalu berbanding Disember lalu, menunjukkan pencapaian awal yang cemerlang dalam Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) bagi pengurangan jenayah.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kadar jenayah jalanan bagi suku keempat tahun lalu menurun sebanyak 7.6 peratus, manakala indeks jenayah pula merekodkan penurunan 3.7 peratus dalam tempoh sama.

Beliau berkata, usaha mengurangkan jenayah adalah penting untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020.

"Jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah mempengaruhi kualiti hidup rakyat, jenayah menjejaskan seluruh masyarakat, tanpa mengira uinur. tahap pendidikan, janti-

na, bangsa, agama atau kekayaan dan menambahkan beban kepada ekonomi negara.

"Pencapaian awal ini menunjukkan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) sudah berada pada tahap pelaksanaan sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sebagai Menteri Dalam negeri, Hishammuddin menerajui NKRA bagi pengurangan jenayah.

Kerajaan menetapkan untuk mengurangkan sekurang-kurangnya lima peratus dalam jenayah indeks keseluruhan yang dilaporkan setiap tahun untuk tiga tahun akan datang.

Antara inisiatif diambil ke arah itu ialah mengamalkan pengawasan terhadap kecurian motosikal, kecurian kereta dan pecah rumah; mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan untuk motosikal, kereta dan rumah, termasuk menggalakkan pemasangan kunci khas untuk motosikal dan merekodkan bahagian kenderaan.

Memastikan kehadiran, janti-



Untuk memperbaiki kepuasan awam terhadap polis, satu tinjauan akan dibuat untuk mengukur tahap kepuasan semasa terhadap perkhidmatan polis

Hishammuddin Hussein
Menteri Dalam Negeri

di 50 kawasan panas dengan sokongan daripada 3,000 sukarelawan terlatih anggota Jabatan Pertahanan Awam dan Ikatan Relawan Rakyat serta memasang 500 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan itu.

Hishammuddin berkata, bagi memastikan perbicaraan dan hukuman tepat terhadap jenayah berat, kerajaan berusaha mengurangkan lebih 6,000 kes jenayah kekerasan yang tertunggak.

Katanya, sasaran kerajaan adalah untuk membicarakan 1,000 penjenayah berat sepanjang tahun ini.

"Untuk memperbaiki kepuasan awam terhadap polis, satu tinjauan akan dibuat untuk mengukur tahap kepuasan semasa terhadap perkhidmatan polis.

"Apabila satu tahap dasar sudah dimantapkan, sasaran untuk meningkatkan kepuasan untuk setiap tahun sehingga 2012 akan ditetapkan," katanya.